

IMPLIKASI PERUBAHAN EJAAN KATA PINJAMAN ARAB DALAM SISTEM TULISAN JAWI TERHADAP PELAJAR

Mohd Zulkifli Mohd Saman @ Shuhaimi,
Ab. Halim Mohamd & Radiah Mezah

ABSTRAK

Perbezaan ejaan kata pinjaman Arab dalam sistem tulisan Arab dan sistem tulisan Jawi mencetuskan kekeliruan kepada pelajar. Hal ini terjadi, kerana kedua-dua sistem tulisan ini berkongsi aksara yang sama tetapi menggunakan sistem tulisan yang berbeza. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menulis perkataan Arab dengan tepat khususnya yang melibatkan kata pinjaman dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Ia juga dilaksanakan untuk menilai tahap pencapaian pelajar pada menulis perkataan Arab yang dimelayukan serta mengenal pasti bentuk-bentuk kesalahan yang dilakukan. Kajian berbentuk lapangan ini melibatkan 100 pelajar yang terdiri daripada tingkatan dua dan tiga sebagai sampel kajian dengan menggunakan instrumen bahan ujian. Dapatan kajian menunjukkan tahap pencapaian pelajar pada menulis kata pinjaman Arab adalah sangat lemah. Sebahagian daripada mereka gagal menulis perkataan tersebut dengan tepat disebabkan pengaruh tulisan Jawi yang sangat kuat. Pelbagai bentuk kesalahan dilakukan sama ada penambahan, pengguguran atau penggantian huruf.

Kata kunci : bahasa, arab, tulisan, jawi, kata pinjaman, perbezaan, perubahan, ejaan

IMPLICATIONS OF CHANGES IN ARAB LOANWORDS SPELLING IN THE JAWI WRITING SYSTEM AMONG STUDENTS

ABSTRACT

The difference between Arabic loanwords spelling in Arabic and Jawi writing system had caused confusion among students. It happens due to the fact that both languages consist of and share the same letters yet having different writing system. The main purpose of the study is to

increase awareness of the importance of writing Arabic words correctly especially involving loanwords in the Arabic language learning and teaching process in Malaysia. These research also wants to evaluate students' achievement in writing Arabic loanwords in Jawi writing system as well as to identify forms of mistakes which are committed by the students. A survey using a set of questionnaire was conducted involving 100 lower secondary level students who were the Form 2 and Form 3 students. The finding showed that students' achievement in writing Arabic loanwords were very weak. Some of them fail to write the words correctly due to the influence of Jawi writing system. There were various kinds of mistakes done by the students whether adding, dropping or replacing letters.

Keywords: *language, Arabic, writing, JAWI, loanword, difference, spelling*

PENDAHULUAN

Kemahiran menulis merupakan sebahagian sub–disiplin ilmu yang mesti dimiliki oleh setiap pelajar selain daripada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan mengira. Kemahiran menulis dianggap penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat secara tepat dan berkesan. Kamarudin Hj. Husin (1998) dan Siti Fatimah Saad (2013) menyatakan bahawa seseorang individu akan dapat memahami hasil fikiran dan perasaan orang lain melalui butiran-butiran tulisannya. Oleh yang demikian penulisan yang baik dan tepat ejaannya sangat penting sebagai alat bagi menyampaikan ilmu dan pengajaran selain dapat mengemukakan pemikiran seseorang.

Kemahiran menulis adalah berkait rapat dengan sistem ejaan sesuatu tulisan. Jika sesuatu perkataan yang ditulis itu mengikut kaedah yang telah ditetapkan, maka ianya akan difahami dan maklumat yang hendak disebarkan akan sampai kepada pembaca. Setiap bahasa memiliki sistem ejaan dan kaedah yang berbeza walaupun huruf yang digunakan adalah sama atau hampir sama, demikian juga halnya dengan bahasa Melayu khususnya tulisan Jawi. Walaupun tulisan Jawi merupakan sebuah tulisan yang tercipta hasil daripada pengaruh Arab dan Islam di Nusantara, akan tetapi sistem tulisan keduanya adalah berbeza di antara satu dengan yang lain.

Sejajar dengan kepesatan ilmu dan perkongsian maklumat, bermula pada zaman Melayu Melaka lagi telah banyak perkataan-perkataan Arab telah diserap menjadi sebahagian daripada kosa kata bahasa Melayu seperti alam, alim, ilmu, rukun, faedah dan banyak lagi . Ianya membentuk perbendaharaan baru dan menambahkan glosari bahasa kebangsaan secara tidak langsung. Sehingga kini telah terdapat kamus-kamus yang merekodkan kata pinjaman Arab sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Muhammad Abdul Jabbar (1979) bahawa keseluruhan kata pinjaman Arab adalah antara 1700 hingga 2000 patah perkataan. Walaupun kata pinjaman Arab ini ada sebahagiannya tidak berubah sebutan atau fonologinya dengan bahasa asal, tetapi dari segi penulisannya terdapat perbezaan yang agak ketara di antara tulisan Arab dan tulisan Jawi, sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 1.1 di bawah:

Jadual 1: Perbezaan Ejaan antara Tulisan Arab dan Jawi Bagi Kata Pinjaman Arab

Bil	Kata Arab	Pinjaman	Ejaan dalam tulisan Arab	Ejaan dalam tulisan Jawi
1	Ilmu		علم	علمو
2	Alim		عالم	عاليم
3	Tahniah		تهنئة	تهنيه
4	Hijrah		هجرة	هجره
5	Syarikat		شركة	شريكت

Pebezaan Sistem Tulisan Jawi dan Sistem Tulisan Arab

Setelah meneliti dan mengkaji kedua-dua jenis tulisan ini, secara umumnya bolehlah dikatakan keduanya mempunyai banyak persamaan lantaran sejarah tulisan Jawi adalah berkait rapat dengan bahasa Arab dan tulisannya. Walaupun huruf Arab jumlahnya lebih sedikit berbanding dengan huruf Jawi tetapi itu hanyalah penambahan yang dilakukan bagi menyesuaikan dengan bunyi dan fonem bahasa Melayu. Dari segi susunan abjad, kedua-duanya adalah sama dan lebih popular dengan susunan mengikut kaedah alphabet. Namun begitu, terdapat perbezaan yang jelas diantara kedua tulisan ini dalam sistem ejaan mereka. Bahasa Arab sebagai bahasa *i'rābiyyah* mempunyai vokal yang tersendiri berupa baris dan huruf *mad*, manakala kaedah ejaan Jawi terdapat tiga huruf vokal iaitu *alif* (ا), *wÉw* (و), dan *yÉ'* (ي) yang mewakili enam huruf vokal dalam tulisan Rumi (Muhammad Husain Hj. Bahrudin, 2002).

Selain daripada itu, penggunaan huruf yang berlainan bagi mengeja sebahagian perkataan yang sama diantara dua jenis tulisan ini juga merupakan sebab mengapa perbezaan banyak berlaku. Keadaan ini disebabkan ada sebahagian kata pinjaman Arab telah sebatu dalam masyarakat melayu dan diucapkan mengikut bunyi dan fonem bahasa Melayu. Hasil daripada penelitian dan pengkajian yang mendalam tentang perkara ini, maka dikemukakan beberapa titik perbezaan yang berlaku dalam sistem ejaan kedua-dua tulisan ini sebagaimana yang ditunjuk dalam jadual 2 yang berikut:

Jadual 2: Perbezaan Ejaan antara Tulisan Arab dan Jawi Bagi Kata Pinjaman

Titik Perbezaan	Contoh Ejaan Perkataan	
	Ejaan Jawi	Ejaan Arab
Pengguguran <i>hamzah qat'i</i> pada permulaan perkataan diganti dengan <i>alif</i> .	ادب	أدب
Pengguguran <i>tÉ' al-marbĒĪah</i> pada akhir perkataan dan digantikan dengan huruf <i>hÉ'</i> yang bersesuaian dengan fonetik pertuturan bahasa Melayu yang tidak membunyikan baris akhir.	دعوه	دعوة
Huruf <i>tÉ' al-marbĒĪah</i> diakhir kalimah digantikan dengan <i>tĒ' almaftĒĪah</i> .	خدمت	خدمة
Kalimah yang suku kata akhirnya daripada suku kata terbuka ditambah dengan huruf <i>yÉ'</i> , <i>wĒw</i> dan <i>alif</i> . (ganti kepada baris <i>kasrah</i> , <i>lammah</i> dan <i>fatĪlah</i>).	نصوحا علمو اهلي	نصوح علم أهل
Penambahan huruf <i>alif</i> di tengah-tengah kalimah bagi suku kata terbuka sebagai ganti baris <i>fatĪlah</i> dalam bahasa Arab.	جانين	جنين
Penambahan huruf <i>yÉ'</i> di tengah-tengah kalimah bagi suku kata terbuka sebagai ganti baris <i>kasrah</i> dalam bahasa Arab.	عالم	عالم
Penambahan huruf <i>wĒw</i> di tengah-tengah kalimah bagi suku kata terbuka sebagai ganti	جومه	جملة

baris *İammah* dalam bahasa Arab.

Penggantian *alif maqİ'rah* dengan *alif mad*. زنا زنى

Penggunaan huruf yang berbeza berdasarkan gaya sebutan bahasa Melayu bagi perkataan yang hampir sama bunyinya. اینفك إنفاق

Pengguguran huruf *mad* mengikut sistem ejaan jawi. جیرن جیران

PERMASALAHAN KAJIAN

Skop kajian tentang pembelajaran bahasa Arab amat luas dan mendalam. Ianya merupakan sebuah kajian bagi mencapai matlamat untuk meninggikan bahasa Arab dan seterusnya membantu para pelajar, khususnya diperingkat sekolah menguasai bahasa ini dengan lebih baik dan berkesan. Pengaruh bahasa ibunda merupakan masalah biasa yang dihadapi para pelajar, ianya dialami oleh kebanyakan mereka yang mempelajari bahasa penutur kedua. Begitu juga bagi pelajar yang mempelajari bahasa Arab yang berkongsi sebahagian besar huruf dengan tulisan Jawi. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Hasyim Haji Musa (1999) bahawa kesan yang amat besar dalam perkembangan bahasa Melayu hasil daripada kedatangan Islam adalah penggunaan dan adaptasi huruf Arab sehingga menjadi sebahagian daripada huruf Jawi untuk mengeja perkataan Melayu. Tulisan Jawi telah diajar kepada para pelajar seawal usia enam tahun diperingkat pra sekolah lagi.

Berdasarkan pengalaman pengkaji dalam bidang perguruan di sekolah menengah kebangsaan yang mempunyai Kelas Aliran Agama (KAA) terdapat kesalahan ejaan yang ketara pada menulis perkataan Arab yang telah dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu. Mereka terkeliru antara ejaan Jawi dengan ejaan Arab yang tepat. Keadaan ini kerana bahasa Arab merupakan bahasa *i'rÉbiyyah* yang mana vokalnya diganti dengan baris (*fatİah, kasrah dan İammah*) manakala tulisan Jawi telah mengadaptasikan huruf vokal sebagaimana tulisan rumi iaitu huruf *alif* untuk vokal [a], huruf *yÉ'* untuk vokal [e] dan vokal [i] dan *wÉw* untuk vokal [o] dan vokal [u] (Che Siah Che Man, 2007).

Matlub (1989) telah menyatakan bahawa dalam bahasa Melayu terdapat banyak kata pinjaman Arab. Tulisan Rumi tidak dapat

memberikan bunyi yang tepat sebagaimana bunyi asal perkataan tersebut dalam bahasa aslinya. Misalnya, bunyi ز, ذ, dan ظ hanya ditulis dengan menggunakan huruf [z], bunyi س, ث, dan ص ditulis dengan menggunakan huruf [s], bunyi ت dan ط ditulis dengan menggunakan huruf [t], bunyi ع, ق, dan ك ditulis dengan menggunakan huruf [k] manakala bunyi ح dan هـ ditulis dengan huruf [h] sahaja. Perbezaan bunyi yang dituturkan bagi kata pinjaman ini menyebabkan berlakunya kekeliruan dalam pembelajaran bahasa Arab dan menyebabkan kesalahan semasa menulisnya.

Che Radiah binti Mezah (2006) dan Aziyun Othman (2012) menyatakan kesilapan penulisan dikalangan pelajar pada kata pinjaman Arab umumnya disebabkan mereka terkesan dengan sistem tulisan Jawi yang mempunyai kaedah yang berbeza dengan sistem tulisan Arab. Terdapat pengaruh Jawi yang kuat dalam menulis perkataan Arab bagi pelajar sekolah menengah, terutama melibatkan kata pinjaman Arab yang mengalami perubahan ejaannya dalam sistem tulisan Jawi.

Perbezaan sistem ejaan ini telah membawa kesan secara langsung kepada para pelajar terutama dalam penulisan bahasa Arab. Sebahagian daripada mereka melakukan kesalahan kerana tidak dapat membezakan ejaan yang tepat antara tulisan Jawi dan Arab. Justeru itu, pengkaji merasa terpacu untuk melakukan kajian menjurus kepada kesan perbezaan bentuk tulisan Arab dan Jawi bagi kata pinjaman dalam pembelajaran bahasa Arab. Ini adalah sejajar dengan dapatan yang telah diperolehi Che Radiah Mezah (2006) yang menyatakan bahawa kesilapan pelajar menambah huruf dalam perkataan berkemungkinan disebabkan oleh kejahilan pelajar dengan kaedah mengeja atau kerana pemindahan bahasa ibunda ke dalam bahasa Arab.

Kesimpulannya, dilihat bahawa pelajar menghadapi kesukaran dalam membezakan antara sistem tulisan Arab dan sistem tulisan Jawi. Mereka memindahkan pengalaman dan maklumat sistem tulisan Jawi ke dalam penulisan bahasa Arab dalam bentuk yang begitu jelas. Rentetan daripada permasalahan ini, adalah menjadi hasrat penulis untuk mengetahui secara tepat sejauh mana implikasi pengaruh sistem tulisan Jawi terhadap penulisan bahasa Arab bagi pelajar-pelajar menengah rendah khususnya murid-murid tingkatan dua dan tiga dan bentuk kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian dilaksanakan di negeri Melaka yang melibatkan dua buah sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) dan dua buah sekolah menengah kebangsaan (SMK) yang menawarkan subjek bahasa Arab sebagai matapelajaran pilihan. Kajian ini melibatkan 100 orang pelajar tingkatan dua dan tiga dari empat buah sekolah yang terpilih. Keempat-empat buah sekolah ini merupakan sekolah yang telah lama menjadikan subjek bahasa Arab sebagai subjek pilihan. Sekolah-sekolah tersebut adalah sebagaimana berikut :

- 1) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)
 - i) Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abdul Rahman Ya'kub.
 - ii) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Perak.
- 2) Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
 - i) Sekolah Menengah Arab As-saiyidah Khadijah.
 - ii) Sekolah Menengah Tahfiz Al-Quran, Chenderah.

Kajian ini hanya melibatkan perkara yang berkaitan dengan penguasaan kemahiran menulis perkataan Arab khususnya kalimah yang dimelayukan. Ia hanya terbatas kepada sampel yang hanya diambil daripada populasi empat buah sekolah dalam daerah Jasin sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Sampel kajian yang dipilih adalah berdasarkan secara rawak kelompok iaitu melibatkan para pelajar tingkatan dua dan tiga yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Maklumat mengenai kajian yang diperolehi daripada responden adalah berdasarkan maklum balas daripada kertas ujian yang dijalankan ke atas para pelajar (sampel) dari sekolah-sekolah tersebut.


ANALISIS KAJIAN

Tahap Penguasaan Pelajar Menulis Perkataan Arab yang DiMelayukan

Bahagian ini membincangkan hasil analisis yang telah dilakukan ke atas kertas ujian bahasa Arab yang melibatkan 100 skrip jawapan. Tujuan analisis ini dijalankan adalah bagi mengenal pasti sejauh mana pencapaian pelajar menulis kata pinjaman Arab serta bentuk-bentuk kesalahan yang dilakukan oleh mereka. Analisis kajian akan dibentangkan dengan menggunakan jadual dan carta bar serta huraian

yang terperinci supaya ianya lebih terang dan mudah difahami. Hasil analisis skrip jawapan bagi ujian bahasa Arab ditunjukkan dalam carta bar 1 berikut:

Carta Bar 1: Skor Keseluruhan Ujian Menulis Kata Pinjaman dalam Tulisan Arab



Carta bar 1 menunjukkan skor keseluruhan tahap penguasaan pelajar dalam menulis perkataan Arab yang dimelayukan. Tidak ada seorang pelajar pun yang berjaya menulis item soalan dengan betul semuanya. Skor tertinggi yang dicatatkan adalah 29 markah, manakala skor terendah pula adalah 4 markah. Hanya seorang sahaja pelajar yang memperolehi markah tertinggi, sementara itu dua orang pelajar berkongsi markah paling rendah.

Pencapaian Pelajar Dalam Ujian Bahasa Arab Dalam Bentuk Gred

Bagi memberi gambaran yang lebih jelas berkaitan dengan pencapaian pelajar dalam ujian yang telah dijalankan, maka pengkaji membawa analisis dalam bentuk gred dan tafsirannya mengikut skala gred Penilaian Menengah Rendah (PMR). Ia adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 3. Manakala pengiraan markah adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{markah yang diperolehi}}{30} \times \text{Markah 100} = \text{sebenar}$$

Jadual 3: Skala Gred Pencapaian Menengah Rendah (PMR)

Markah	Gred	Tafsiran Gred
0	TH	Tidak Hadir
1 - 39	E	Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum
40 - 49	D	Mencapai Tahap Penguasaan Minimum
50 - 64	C	Baik
65 - 79	B	Kepujian
80 - 100	A	Cemerlang

Analisis markah ujian bahasa Arab adalah berdasarkan skala gred yang telah dinyatakan di atas, hasil dapatan ujian adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Gred Keseluruhan Pencapaian Pelajar Bagi Ujian Bahasa Arab

		Gred	Skor	Total
Ujian Bahasa Arab	A	Count	3	3
		% of Total	3.0%	3.0%
	B	Count	10	10
		% of Total	10.0%	10.0%
	C	Count	27	27
		% of Total	27.0%	27.0%
	D	Count	17	17
		% of Total	17.0%	17.0%
	E	Count	43	43
		% of Total	43.0%	43.0%
Jumlah		Count	100	100
		% of Total	100.0%	100.0%

Berdasarkan jadual 4, bilangan pelajar yang mendapat tahap cemerlang bagi ujian tersebut adalah sangat minimum iaitu hanya 3 orang (3%) sahaja. Bilangan pelajar yang mencapai tahap kepujian atau gred B adalah lebih ramai berbanding mereka yang mendapat gred A iaitu berjumlah 10 orang (10%), manakala selebihnya 27 orang (27%) mendapat gred C, 17 orang (17%) mendapat gred D dan baki 43 orang

pelajar (43%) telah gagal dalam ujian ini iaitu dengan mendapat gred E.

Kesalahan Mengeja Item Disebabkan Pengaruh Sistem Tulisan Jawi

Kesalahan dalam bentuk ini adalah yang paling besar dilakukan oleh pelajar. Ia merangkumi 1387 kesalahan (82.5%). Kesalahan dalam bentuk ini telah dibahagikan kepada enam jenis utama iaitu:

- 1- Kesalahan pada penambahan huruf.
- 2- Kesalahan pada penggantian huruf.
- 3- Kesalahan pada pengguguran huruf.
- 4- Kesalahan pada penggantian dan penambahan huruf.
- 5- Kesalahan pada penambahan dan pengguguran huruf.
- 6- Kesalahan pada pengguguran, penambahan dan penggantian huruf.

Bagi menjelaskan sejauh mana pengaruh sistem tulisan Jawi terhadap penulisan pelajar pada perkataan bahasa Arab yang telah dimelayukan, analisis dapatan akan menghuraikan jumlah kesalahan yang dilakukan oleh mereka mengikut jenis yang telah ditetapkan sebagaimana yang diapaparkan dalam jadual 5 yang berikut:

Jadual 5: Analisis Keseluruhan Kesalahan Menulis Item Soalan Setiap Jenis

Jenis Kesalahan	Kekerapan Item	Jumlah Kesalahan	Min	Sisihan Piawai
Penambahan huruf	10	417	41.70	21.213
Penggantian Huruf	10	383	38.30	17.430
Pengguguran huruf	1	45	45	-
Penggantian dan penambahan huruf	5	306	61.20	28.578
Penambahan dan pengguguran huruf	3	193	64.33	24.786
Pengguguran, penambahan dan penggantian huruf	1	42	42	-

Jadual 5 menunjukkan analisis dapatan kesalahan ejaan pada kata pinjaman Arab mengikut jenis kesalahan. Berdasarkan kepada dapatan yang dipaparkan, perkataan yang mengalami penambahan dan pengguguran huruf dalam tulisan Jawi paling banyak menyumbang kepada kesalahan pelajar pada menulis perkataan Arab. Manakala kesalahan yang paling sedikit dilakukan oleh mereka pada perkataan yang mengalami penggantian huruf. Nilai min pada perkataan yang mengalami penambahan dan pengguguran huruf dalam sistem tulisan Jawi ialah 64.33 dengan sisihan piawai 24.786 dan nilai min pada perkataan yang mengalami penggantian huruf ialah 38.30 dengan sisihan piawai 17.430. Perincian analisis dapatan bagi setiap bahagian yang berkaitan dengan kesalahan menulis perkataan Arab yang dimelayukan disebabkan pengaruh sistem tulisan Jawi adalah seperti berikut:

1) Penambahan Huruf

Kesalahan menambah huruf dalam ejaan perkataan Arab boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu penambahan huruf *alif*, *wÉw* dan *yÉ'*. Perincian analisis setiap bahagian adalah sebagaimana berikut:

i) Tambah Huruf Alif

Sebahagian kata pinjaman Arab akan mengalami perubahan ejaan apabila ditulis menggunakan tulisan Jawi. Ada di antaranya mengalami penambahan huruf *alif*. Perubahan ini mewujudkan kekeliruan kepada pelajar tentang ejaan yang betul dalam bahasa Arab, Justeru itu, sebahagian daripada mereka telah melakukan kesalahan semasa menulisnya dengan menambah huruf *alif* sebagaimana ejaannya dalam tulisan Jawi. Contoh perubahan tersebut seperti yang ditunjukkan dalam jadual 6 yang berikut:

Jadual 6: Penambahan Huruf Alif Pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi Bagi KPA

Perkataan	Sistem Tulisan		Penambahan Huruf
	Arab	Jawi	
Jadual	جدول	جدوال	ا
Rasmi	رسمي	راسمي	ا
Badan	بدن	بادن	ا
Wajah	وجه	واجه	ا

Hasil dapatan kajian mendapati ada sebahagian pelajar telah melakukan kesalahan ketika menulis perkataan-perkataan ini. Mereka telah menambah huruf *alif* ketika menulisnya. Dapatan analisis kesalahan disebabkan penambahan huruf *alif* adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 7 di bawah.

Jadual 7: Analisis Kesalahan Disebabkan Penambahan Huruf *Alif*

Bil	Perkataan	Dapatan analisis	Kesalahan disebabkan pengaruh Jawi
1.	Jadual		78
2.	Rasmi		18
3.	Badan		51
4.	Wajah		44
	Kekerapan	4	
	Terendah	18	
	Tertinggi	78	
	Julat	60	
	Min	47.75	

Merujuk kepada jadual 7, kesalahan paling rendah yang melibatkan penambahan huruf *alif* pada menulis keempat-empat perkataan tersebut ialah 18, manakala kesalahan paling tinggi yang dicatatkan adalah 78. Perbezaan julat antara kesalahan tertinggi dan terendah adalah sangat besar iaitu 60. Manakala nilai min bagi kesalahan penambahan *alif* ialah 47.75. Dengan nilai min hampir mencecah 48%, ini bermakna kesalahan yang melibatkan penambahan huruf *alif* adalah agak tinggi.

ii) Tambah huruf *wÉw*

Huruf *wÉw* telah ditambah dalam ejaan Jawi bagi menzahirkan bunyi vokal [u] berdasarkan sebutan bahasa Melayu. Ianya telah ditambah pada akhir perkataan seperti *علمو* dan *وقتو* ataupun ditengah perkataan seperti *عمور*. Contoh perubahan tersebut seperti dalam jadual 8 di bawah:

Jadual 8: Penambahan Huruf $w\acute{E}w$ Pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi Bagi KPA

Bil	Perkataan	Sistem Tulisan		Penambahan Huruf
		Arab	Jawi	
1.	Ilmu	علم	علمو	و
2.	Waktu	وقت	وقتو	و
3.	Umur	عمر	عمور	و

Hasil dapatan kajian mendapati ada sebahagian pelajar telah melakukan kesalahan dengan menambah huruf $w\acute{E}w$ ketika menulis kata pinjaman Arab tersebut. Dapatan analisis bagi kesalahan menambah huruf $w\acute{E}w$ dipaparkan dalam jadual 9 berikut:

Jadual 9: Analisis Kesalahan Disebabkan Penambahan Huruf $w\acute{E}w$

Bil	Perkataan	Dapatan Analisis	Kesalahan Disebabkan Pengaruh Jawi
1.	Ilmu		63
2.	Waktu		52
3.	Umur		40
	Kekerapan	3	
	Terendah	40	
	Tertinggi	63	
	Julat	23	
	Min	51.67	

Jadual 9 menunjukkan kesalahan tertinggi yang dilakukan oleh pelajar kerana menambah huruf $w\acute{E}w$ ialah pada menulis perkataan “ilmu” iaitu seramai 63 orang terlibat, manakala yang paling rendah pula perkataan “umur” yang melibatkan 40 orang pelajar. Perbezaan julat antara kesalahan tertinggi dan terendah adalah besar iaitu 23, manakala nilai min bagi kesalahan penambahan $w\acute{E}w$ ialah 51.67. Dengan nilai min melebihi 50, ini bermakna kesalahan yang melibatkan penambahan $w\acute{E}w$ dalam ejaan kata pinjaman Arab adalah tinggi.

iii) Tambah Huruf $y\acute{E}'$

Dalam sistem tulisan Jawi huruf $y\acute{E}'$ hendaklah dimasukkan bagi menggambarkan bunyi vokal [i]. Justeru itu, huruf $y\acute{E}'$ telah ditambah sebagai huruf vokal selepas huruf yang ketiga pada perkataan alim,

hakim dan hadir. Contoh perubahan tersebut seperti dalam jadual 10 di bawah:

Jadual 10: Penambahan Huruf $yÉ'$ pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA

Bil	Perkataa n	Sistem Tulisan		Penambahan Huruf
		Arab	Jawi	
1	Alim	عالم	عاليم	ي
2.	Hakim	حاکم	حاکيم	ي
3.	Hadir	حاضر	حاضير	ي

Perbezaan ejaan bagi ketiga-tiga perkataan ini dalam sistem tulisan Arab dan sistem tulisan Jawi mencetuskan kekeliruan kepada pelajar dan seterusnya membawa kepada kesalahan ketika menulisnya. Dapatan analisis kesalahan disebabkan penambahan huruf $yÉ'$ adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 11 yang berikut:

Jadual 11: Analisis Kesalahan Disebabkan Penambahan Huruf $yÉ'$

Bil	Perkataan	Dapatan Analisis	Kesalahan disebabkan pengaruh Jawi
1.	Alim		11
2.	Hakim		44
3.	Hadir		17
	Kekerapan	3	
	Terendah	11	
	Tertinggi	44	
	Julat	33	
	Min	24	

Berdasarkan jadual 11, kesalahan tertinggi yang dilakukan oleh pelajar disebabkan menambah huruf $yÉ'$ dalam ejaan mereka adalah seramai 44 orang iaitu pada menulis perkataan “hakim”. Manakala kesalahan menulis perkataan “alim” pula adalah yang paling rendah iaitu seramai 11 orang sahaja. Perbezaan julat antara kesalahan tertinggi dan terendah adalah besar iaitu 33, sementara nilai min bagi kesalahan penambahan huruf $yÉ'$ agak rendah iaitu 24. Dengan nilai min hanya 24, ini bermakna kesalahan yang melibatkan penambahan $yÉ'$ dalam ejaan KPA adalah agak rendah.

2) Penggantian Huruf

Kesalahan penggantian huruf dalam ejaan perkataan Arab boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu menggantikan huruf *tÉ'* *marbĒĪah* dengan *tÉ'* *maftĒĪah*, huruf *tÉ'* *marbĒĪah* dengan huruf *hÉ'*, huruf *hamzah qata'* di awal perkataan dengan huruf *alif* dan huruf *alif maqĪĒrah* yang berbentuk *yÉ'* di akhir kalimah diganti dengan huruf *alif mad*. Perincian bagi setiap bahagian adalah sebagaimana berikut:

i) Huruf *Ta' MarbĒĪah* Digantikan dengan Huruf *Ta' MaftĒĪah*

Berdasarkan sistem tulisan Jawi, huruf *tÉ'* *marbĒĪah* yang berada di akhir perkataan sebahagianya perlu diganti dengan huruf *tÉ'* *maftuhah*. Penggantian ini merupakan sebahagian daripada kaedah sistem tulisan Jawi yang menetapkan bunyi [t] yang terserap ditulis dengan ejaan *tÉ'* *maftuhah* (ت). Contoh perubahan tersebut seperti dalam jadual 12 yang berikut:

Jadual 12: Penggantian Huruf *Ta' MarbĒĪah* dengan Huruf *Ta' MaftĒĪah* pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi Bagi KPA

Bi l	Perkataan	Sistem Tulisan		Penggantian Huruf
		Arab	Jawi	
1.	Khidmat	خدمة	خدمت	ت kepada ة
2.	Nikmat	نعمة	نعمت	ت kepada ة
3.	Nasihat	نصيحة	نصیحت	ت kepada ة

Perbezaan ejaan bagi ketiga-tiga perkataan ini dalam sistem tulisan Arab dan sistem tulisan Jawi mencetuskan kekeliruan kepada pelajar dan seterusnya membawa kepada kesalahan ketika menulisnya. Dapatan analisis kesalahan pada perkataan yang mengalami penggantian huruf *ta' marbĒĪah* kepada *ta' maftĒĪah* dalam sistem tulisan Jawi dipaparkan pada jadual 13 yang berikut:

Jadual 13: Analisis Kesalahan Disebabkan Penggantian Huruf *Ta' MarbĒĪah* dengan *Ta' MaftĒĪah*

Bil	Perkataan	Dapatan Analisis	Kesalahan Disebabkan Pengaruh Jawi
1.	Khidmat		37
2.	Nikmat		15
3.	Nasihat		24
	Kekerapan	3	
	Terendah	15	

Tertinggi	37
Julat	22
Min	25.33

Berdasarkan jadual 13, perkataan “khidmat” merekodkan jumlah kesalahan tertinggi disebabkan pengaruh Jawi iaitu melibatkan 37 kesalahan, manakala kesalahan terendah yang direkodkan ialah pada menulis perkataan “nikmat” iaitu 15 kesalahan. Nilai min bagi kesalahan menulis ketiga-tiga perkataan ini adalah 25.33 dan julat perbezaan antara kesalahan tertinggi dan terendah adalah 22.

ii) Huruf *Ta’ MarbĒĪah* Digantikan dengan Huruf *HĒ’*

Sebahagian kata pinjaman Arab ada yang mengalami perubahan ejaan dalam sistem tulisan Jawi seperti huruf *ta’ marbĒĪah* yang berada di akhir perkataan digantikan dengan huruf *hĒ’*. Dalam sistem tulisan Jawi huruf *ta’ marbĒĪah* pada KPA melambangkan fonem [t] atau [h] sebagai kelainan sebutan (sekiranya kelainan sebutan itu tidak mengubah dan membezakan makna) (Daftar Kata Bahasa Melayu, 2004). Contoh perubahan tersebut seperti dalam jadual 14 yang berikut:

Jadual 14: Huruf *TĒ’ MarbĒĪah* Digantikan dengan Huruf *HĒ’* pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA

Bil	Perkataan	Sistem Tulisan		Penggantian Huruf
		Arab	Jawi	
1.	Dakwah	دعوة	دعوہ	Ē kepada ◦
2.	Hikmah	حكمة	حکمہ	Ē kepada ◦
3.	Hijrah	هجرة	ہجرہ	Ē kepada ◦

Perbezaan ejaan antara dua sistem tulisan bagi perkataan yang sama membawa kekeliruan kepada sebahagian pelajar. Kekeliruan ini menyebabkan berlakunya kesalahan pada menulis perkataan-perkataan yang mengalami penggantian huruf *ta’ marbĒĪah* dengan huruf *hĒ’* dalam sistem tulisan Jawi . Dapatan analisis kesalahan tersebut ditunjukkan dalam jadual 15 yang berikut:

Jadual 15: Analisis Kesalahan Disebabkan Penggantian Huruf Ta' Marbū'ah kepada Huruf HE'

Bil	Perkataan	Dapatan Analisis	Kesalahan Disebabkan Pengaruh Jawi
1.	Dakwah		47
2.	Hikmah		36
3.	Hijrah		18
	Kekerapan	3	
	Terendah	18	
	Tertinggi	47	
	Julat	29	
	Min	33.67	

Berdasarkan jadual 15, perkataan “dakwah” merekodkan jumlah kesalahan tertinggi disebabkan pengaruh Jawi iaitu mencecah 47 kesalahan, manaka jumlah kesalahan terendah yang dilakukan mereka ialah pada menulis perkataan “hijrah” iaitu 18 kesalahan. Nilai min bagi kesalahan menulis ketiga-tiga perkataan ini adalah 33.67 dan julat perbezaan antara kesalahan tertinggi dan terendah adalah 29.

iii) Huruf Hamzah Qata' Di Awal Perkataan Diganti dengan Huruf Alif.

Berdasarkan sistem tulisan Jawi, kata pinjaman Arab yang ejaannya bermula dengan huruf *hamzah qata'* hendaklah digantikan dengan huruf *alif*. Ramai pelajar telah melakukan kesalahan pada menulis perkataan Arab yang dimulai dengan huruf *hamzah qata'*. Sebahagian daripada mereka hanya menulis huruf *alif* sahaja tanpa meletakkan huruf *hamzah* di atasnya. Kesalahan sebegini disebabkan pengaruh sistem tulisan Jawi yang telah mereka pelajari sejak dari sekolah rendah lagi. Contoh perubahan tersebut seperti dalam jadual 16 yang berikut:

Jadual 16: Penggantian Huruf Hamzah Qata' di Awal Perkataan dengan Huruf Alif pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi Bagi KPA

Bil	Perkataan	Sistem Tulisan		Penggantian Huruf
		Arab	Jawi	
1.	Adab	أدب	ادب	أ kepada ا
2.	Ahad	أحد	احد	أ kepada ا
3.	Iman	إيمان	ايمان	أ kepada ا

Sebilangan pelajar telah melakukan kesalahan pada menulis perkataan “adab”, “ahad” dan “iman”. Mereka telah menggantikan huruf *hamzah qata* kepada huruf *alif*. Dapatan analisis bagi kesalahan pada menulis ketiga-tiga kata pinjaman Arab tersebut dipaparkan dalam jadual 17 yang berikut:

Jadual 17: Analisis Kesalahan Disebabkan Menggantikan Huruf *Hamzah Qata* di Awal Perkataan dengan Huruf *Alif*

Bil	Item	Dapatan Analisis	Kesalahan Disebabkan Pengaruh Jawi
1	Adab		66
2	Ahad		62
3	Iman		48
	Kekerapan		
	Terendah	3	
	Tertinggi	48	
	Julat	66	
	Min	18	
		58.67	

Merujuk kepada jadual 17, pelajar melakukan kesalahan paling banyak pada menulis perkataan “adab” iaitu melibatkan 66 orang. Kesalahan yang paling sedikit dilakukan oleh mereka pada perkataan “iman” iaitu seramai 48 orang. Perbezaan julat di antara kesalahan terendah dan tertinggi adalah agak kecil jurangnya iaitu 18 manakala nilai min pula agak tinggi iaitu 58.67.

iv) Huruf *Alif MaqĒrah* Berbentuk *yĒ* Diganti dengan Huruf *Alif Mad*.

Sebahagian kata pinjaman Arab mengalami penggantian huruf *alif maqĒrah* berbentuk *yĒ* yang berada di akhir perkataan kepada huruf *alif mad* dalam sistem ejaan Jawi. Hal ini terjadi kerana huruf *alif mad* digunakan untuk menggambarkan bunyi vokal [a], manakala huruf *alif maqĒrah* berbentuk *yĒ* yang dinamakan huruf *ye* (huruf *ya* tanpa titik) dalam tulisan Jawi digunakan pada menggambarkan bunyi vokal [e] *pepet*. Contoh perubahan tersebut seperti dalam jadual 18 yang berikut:

Jadual 18: Huruf *Alif MaqĒĒrah* Berbentuk *YĒ'* Diganti dengan Huruf *Alif Mad* pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA

Bil	Perkataan	Sistem Tulisan		Penggantian Huruf
		Arab	Jawi	
1.	Makna	معنى	معنا	ى kepada ا

Perbezaan ini menyebabkan sebahagian daripada pelajar bahasa Arab terkeliru dan seterusnya melakukan kesalahan pada menulis perkataan “makna”. Dapatan analisis kesalahan menulis perkataan “makna” ditunjukkan dalam Jadual 19 di bawah:

Jadual 19: Analisis Kesalahan Disebabkan Menggantikan Huruf *alif MaqĒĒrah* Berbentuk *YĒ'* di Akhir Kalimah dengan Huruf *Alif mad*

Bil	Perkataan	Kesalahan Disebabkan Pengaruh Jawi
1.	Makna	30

Berdasarkan jadual 19, seramai 30 orang pelajar telah melakukan kesalahan pada menulis perkataan “makna”. Mereka menulisnya sebagaimana ejaannya dalam tulisan Jawi, iaitu dengan menggantikan huruf *alif maqĒĒrah* berbentuk *yĒ'* yang berada di akhir kalimah dengan huruf *alif mad*.

3) Pengguguran Huruf

Sebahagian kata pinjaman Arab mengalami perubahan ejaan dalam sistem tulisan Jawi dengan menggugurkan huruf tertentu. Contohnya huruf *alif* akan digugurkan apabila hadir di suku kata tertutup (KVK) disebabkan oleh pematuhan terhadap sistem tulisannya yang menetapkan vokal [a] tidak dilambangkan dengan huruf alif jika berada di antara huruf konsonan. Sehubungan dengan itu, perkataan “jiran” mengikut sistem tulisan Arab terdapat huruf *alif* tetapi telah digugurkan dalam tulisan Jawi. Contoh perubahan tersebut seperti dalam jadual 20 di bawah.

Jadual 20: Pengguguran Huruf *alif* pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA

Bil	Perkataan	Sistem Tulisan		Pengguguran Huruf
		Arab	Jawi	
1	Jiran	جيران	جيرن	ا

Sebilangan pelajar telah melakukan kesalahan ketika menulis perkataan “jiran” dengan menggugurkan huruf *alif*. Dapatan analisis bagi kesalahan tersebut ditunjukkan dalam jadual 21 yang di bawah:

Jadual 21: Analisis Kesalahan Disebabkan Menggugurkan Huruf *Alif*

Bil	Perkataan	Kesalahan Disebabkan Pengaruh Jawi
1	Jiran	45

Jadual 21 menunjukkan seramai 45 orang pelajar telah melakukan kesalahan pada menulis perkataan “jiran”. Kesalahan ini adalah berpunca daripada mereka menggugurkan huruf *alif* sebagaimana ejaannya dalam tulisan Jawi.

4) Penggantian dan Penambahan Huruf

Sebilangan kata pinjaman Arab mengalami perubahan ejaan dalam sistem tulisan Jawi melibatkan satu operasi sahaja. Sebahagian yang lain pula akan mengalami dua atau tiga operasi sekaligus seperti melibatkan penggantian dan penambahan huruf bagi perkataan yang sama. Contoh perubahan tersebut seperti dalam jadual 22 yang berikut:

Jadual 22: Penggantian dan Penambahan Huruf pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA

Bil	Perkataan	Sistem Tulisan		Perubahan	
		Arab	Jawi	Penggantian	Penambahan
1.	Ahli	أهل	اهلي	ا kepada	ي
2.	Jumlah	جملة	جومله	ة kepada	و
3.	Faedah	فائدة	فاءيده	ة kepada	ي
4.	Tahniah	تهنئة	تهنيه	ة kepada	ي
5.	Syarikat	شركة	شريكت	ة kepada	ي

Perubahan ini adalah disebabkan pematuhan kepada sistem tulisan Jawi yang mana ianya telah mengundang perbezaan ejaan di antara dua sistem tulisan bagi perkataan yang sama. Hal ini telah mengakibatkan sebahagian daripada pelajar telah melakukan kesalahan ketika menulis perkataan-perkataan Arab yang mengalami perubahan sebegini dalam tulisan Jawi. Dapatan analisis kesalahan disebabkan mengganti dan menambah huruf seperti yang ditunjukkan dalam jadual 23 yang berikut:

Jadual 23: Analisis Kesalahan Disebabkan Mengganti dan Menambah Huruf

Bil	Perkataan	Data Analisis	Kesalahan Disebabkan Pengaruh Jawi
1	Ahli		73
2	Jumlah		17
3	Faedah		50
4	Tahniah		76
5	Syarikat		90
	Kekerapan	5	
	Terendah	17	
	Tertinggi	90	
	Julat	73	
	Min	61.20	

Merujuk kepada Jadual 23, pelajar melakukan kesalahan paling banyak pada menulis perkataan “syarikat” iaitu seramai 90 orang. Kesalahan yang paling sedikit dilakukan oleh mereka pada menulis perkataan “jumlah” iaitu hanya 17 orang terlibat. Perbezaan julat antara kesalahan terendah dan tertinggi adalah sangat tinggi iaitu 73, manakala nilai min juga agak tinggi iaitu mencecah 61.2. Nilai min yang agak tinggi jumlahnya ini menunjukkan ramai pelajar terpengaruh dengan sistem tulisan Jawi pada menulis perkataan Arab yang dimelayukan.

5) Penambahan dan Pengguguran Huruf

Terdapat kata pinjaman Arab yang mengalami perubahan ejaan melibatkan dua operasi iaitu penambahan dan pengguguran huruf dalam sistem tulisan Jawi. Contoh perubahan tersebut seperti dalam jadual 24 di bawah:

Jadual 24: Penambahan dan Pengguguran Huruf pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA

Bil	Perkataan	Sistem Tulisan		Perubahan	
		Arab	Jawi	Penambahan	Pengguguran
1.	Misal	مثال	ميثل	ي	ا
2.	Takjub	تعجب	تعيوب	و	ـ
3.	Mungkar	منكر	موغكر	و غ	ن

Merujuk kepada Jadual 24 di atas, perkataan “misal”, “takjub” dan “mungkar” telah mengalami perubahan ejaan dalam tulisan Jawi. Perkataan “misal” telah menggugurkan huruf *alif* dan menambahkan huruf *yÉ*, perkataan “takjub” telah menggugurkan *tasydÉd* dan menambahkan huruf *wÉw*, manakala perkataan “mungkar” telah menggugurkan huruf *nÉn* dan menambahkan huruf *wÉw* dan *nga*. Perubahan ejaan ini membawa implikasi kepada pelajar. Dapatan analisis kesalahan disebabkan pengguguran dan penambahan huruf seperti yang dipaparkan dalam jadual 25 yang berikut:

Jadual 25: Analisis Kesalahan Disebabkan Menggugur dan Menambah Huruf

Bil	Perkataan	Dapatan Analisis	Kesalahan Disebabkan Pengaruh Jawi
1.	Misal		36
2.	Takjub		82
3.	Mungkar		75
	Kekerapan	3	
	Terendah	36	
	Tertinggi	82	
	Julat	46	
	Min	64.33	

Berdasarkan Jadual 25 di atas, pelajar melakukan kesalahan paling banyak dalam pada menulis perkataan “takjub” iaitu melibatkan 82 orang. Kesalahan yang paling sedikit dilakukan oleh mereka ialah pada menulis perkataan “missal” iaitu merangkumi 36 orang. Perbezaan julat antara kesalahan terendah dan tertinggi adalah agak tinggi iaitu 46, manakala nilai min pula adalah agak tinggi iaitu mencecah 64.33.

6) Pengguguran, Penambahan dan Penggantian Huruf

Sebahagian kata pinjaman Arab yang mengalami perubahan ejaan melibatkan tiga operasi sekaligus iaitu Pengguguran, penambahan dan penggantian huruf dalam sistem tulisan Jawi. Contoh perubahan tersebut seperti dalam jadual 26 yang berikut:

Jadual 26: Pengguguran, Penambahan dan Penggantian Huruf pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA

Bil	Perkataan	Sistem Tulisan		Perubahan		
		Arab	Jawi	Pengguguran	Penambahan	Penggantian
1	Sihat	صحة	صِيحَت	-	ي	ت kepada ت

Merujuk kepada jadual 26 di atas, terdapat perbezaan yang ketara pada menulis perkataan “sihat” dalam tulisan Arab dan Jawi. Perbezaan ini wujud kerana terdapat perubahan yang berlaku dalam tulisan Jawi iaitu pengguguran, penambahan dan penggantian huruf. Perubahan ini berlaku bagi menyesuaikan ejaan dengan fonetik bahasa Melayu. Jika dilihat pada perbezaan kedua-dua sistem tulisan ini, maka jumlah dan jenis huruf adalah bertambah pada tulisan Jawi. *TasydÉd* yang terdapat pada ejaan asalnya dalam tulisan Arab telah digugurkan, ditambah huruf *yÉ'* bagi menggambarkan bunyi vokal [i] dan seterusnya digantikan *tÉ' marbÉtah* yang berada di akhir perkataan dengan *tÉ' maftuíah*. Perubahan ejaan ini membawa kesan kepada pelajar. Sebahagian daripada mereka telah melakukan kesalahan pada menulis perkataan-perkataan ini. Dapatan analisis kesalahan disebabkan perubahan pengguguran, penambahan dan penggantian huruf seperti yang dipaparkan dalam jadual 27 di bawah:

Jadual 27: Analisis Kesalahan Disebabkan Menggugur, Menambah dan Mengganti Huruf

Bil	Perkataan	Kesalahan Disebabkan Pengaruh Jawi
1	Sihat	42

Jadual 27 di atas, menunjukkan seramai 42 orang pelajar telah melakukan kesalahan menulis perkataan “sihat”. Kesalahan ini adalah

berpunca daripada kekeliruan yang wujud di antara tulisan Arab dan Jawi bagi perkataan ini yang agak berbeza.

RUMUSAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar pelajar masih lemah dalam penulisan bahasa Arab khususnya pada perkataan Arab yang dimelayukan. Kenyataan ini terbukti apabila 43 orang pelajar (43%) telah mendapat gred E dalam ujian bahasa Arab yang dijalankan. Faktor terbesar yang menyumbang kepada permasalahan ini adalah pengaruh bahasa ibunda khususnya tulisan Jawi. Walaupun mempunyai aksara yang sama antara tulisan Arab dan tulisan Jawi, namun sistem tulisan yang berbeza adalah menjadi punca utama kekeliruan yang akhirnya membawa kepada kesalahan dalam ejaan. Selain daripada itu, sikap guru yang tidak mengambil berat tentang tahap keupayaan pelajar dalam kemahiran menulis juga menjadi penyumbang kepada kelemahan ini. Sewajarnya para guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia mengembeling usaha dan tenaga, memerah akal dan fikiran mencari jalan bagi mengatasi masalah ini diperingkat menengah rendah lagi. Setiap pelajar seharusnya dapat menulis dengan tepat setiap perkataan Arab samada ianya berupa kata pinjaman atau pun tidak supaya ianya dapat difahami.

RUJUKAN

- Aziyun Othman. (2012). Penulisan Hamzah dalam Kalangan Murid dan Guru Bahasa Arab: Satu Tinjauan. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*, Unit Bahasa Arab, fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 64 – 74.
- Che Radiah Mezah. (2006). *Analisis Kesilapan Leksikal dalam Karangan Bahasa Arab*. Tesis Ph.D dikemukakan kepada Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Che Siah Che Man.(2007). *Pendekatan Pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasyim Haji Musa. (1999). *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi* . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Haji Husin .(1998). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Muhammad Abdul Jabbar. (1979). *Arabic Loan-Word in Malay*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

47 | *Mohd Zulkifli Mohd Saman @ Shuhaimi, Ab. Halim bin Mohamd & Che Radiah bt Mezah*

Muhammad Husaini Haji Bahruddin. (2002). *Sistem Tulisan Jawi*. Selangor: Pustaka Wira Sdn. Bhd.

Siti Fatimah Saad. (2013). Kaedah Pengajaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab di Peringkat Sekolah Rendah. *Proceeding of international Conference on Social Science Research, ICSSR 2013*, hlm. 176 – 185.

*Mohd Zulkifli Mohd Saman @ Shuhaimi
SMK Syed Ahmad
Tambun Tulang, Perlis
E-mail: ibnuman1978@yahoo.com*

*Ab. Halim Mohamd (Prof. Madya Dr)
Jabatan bahasa Asing
Fakulti bahasa Moden dan Komunikasi
43400 Serdang, Selangor
E-mail: abhalim@upm.edu.my*

*Radiah Mezah (Prof. Madya Dr)
Jabatan bahasa Asing
Fakulti bahasa Moden dan Komunikasi
43400 Serdang, Selangor
E-mail: cradiah@upm.edu.my*